



## **NOTIS MAKLUMAN**

### **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) BERJAYA MENERBITKAN SUKUK SIRI KEDUA**

**KUALA LUMPUR, 17 April 2017:** Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), merupakan sebuah badan berkanun di bawah sektor awam Akta Pembiayaan Lembaga 2015, telah berjaya menerbitkan siri kedua Sukuk sehingga RM3.25 bilion pada hari ini. Permintaan yang kukuh menunjukkan bukti kelayakan LPPSA sebagai penerbit Sukuk baru di pasaran dengan kedudukan kredit yang kukuh. Sukuk diterbitkan untuk membiayai penyediaan pinjaman perumahan kepada sektor awam.

Sebanyak RM3.25 bilion *Islamic Medium Term Notes* (IMTN) membentuk sebahagian daripada RM25.0 bilion LPPSA *Islamic Commercial Papers / Islamic Medium Term Notes Programme* ("ICP Program / IMTN") dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

Ditawarkan melalui proses *book-building*, Sukuk yang diterbitkan dalam jangka masa 5 tahun kepada 30 tahun itu telah ditawarkan pada harga 4.17% kepada 5.225% setahun sepanjang tempoh tersebut.

Affin Hwang Investment Bank Berhad, AmlInvestment Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Investment Bank Berhad, Maybank Investment Bank Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan RHB Investment Bank Berhad merupakan pengurus utama bersama dan *joint book runners* untuk amalan *book-building* ini.

CIMB Investment Bank Berhad adalah Agen Kemudahan dan RHB Islamic Bank Berhad adalah Penasihat Syariah bagi Program Pembiayaan ini.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Nashrul bin Abdul Shukor  
Jabatan Komunikasi Korporat  
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)  
Tel: 03-8880 2888  
Emel: [nashrul.shukor@lppsa.gov.my](mailto:nashrul.shukor@lppsa.gov.my)